

Ketua Wanita UMNO: Marina akan bertanding

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datin Paduka Hajah Aishah Ghani mungkin ditentang oleh Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Puan Marina Yusof, dalam pemilihan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia September ini.

Menteri Kebajikan Am itu telahpun melahirkan hasratnya untuk terus mempertahankan jawatannya sebagai ketua pergerakan tersebut dalam perhimpunan agung 9 September ini.

Manakala, Puan Marina pula, hari ini mengumumkan ia sedia bertanding merebut jawatan itu. Tetapi, keputusan muktamad akan hanya dibuat berdasarkan kepada beberapa faktor.

Sekiranya Puan Marina memutuskan untuk bertanding, ini adalah kali pertama jawatan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dipertandingkan dalam jangka masa 10 tahun.

Datin Paduka Hajah Aishah menjadi ketua pergerakan itu sejak 10 tahun 1972, setelah mengalahkan ketuanya ketika itu, Tan Sri Hajah Fatimah Hashim.

Beliau terus memegang jawatan itu tanpa dicabar oleh tokoh-tokoh Pergerakan Wanita UMNO sehingga sekarang.

Naib Ketua pergerakan itu, Datin Paduka Rafidah Aziz, yang juga Menteri Pe-

rusahaan Awam telahpun mengumumkan bahawa beliau tidak akan bertanding merebut jawatan tersebut sekalipun terdapat pencalonan dari beberapa Bahagian Pergerakan Wanita.

Bagaimanapun, dua orang lagi pemimpin Wanita UMNO telah disebut-sebut baru-baru ini akan bertanding merebut jawatan berkenaan. Tetapi sehingga ini mereka masih belum membuat keputusan muktamad.

Mereka ialah Timbalan Menteri Penerangan, Puan Rahmah Othman dan Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Kursus Kesedaran Wanita anjuran Persatuan Belia Bandaraya di sini, Puan Marina menjelaskan:

"Antara faktor yang saya maksudkan ialah bilangan dan letak

bahagian-bahagian pergerakan wanita yang mencalonkan saya, serta suasana pergerakan wanita secara keseluruhannya kelak.

"Saya akan menunggu sehingga akhir Ogos ini untuk membuat keputusan, sama ada bertanding atau sebaliknya."

Walaupun kepastian untuk mendasarkan keputusannya bertanding kepada bilangan tertentu bahagian yang mencalonkannya, beliau bagaimanapun, akan menimbangkan turut bertanding jika menerima sekurang-ku-

rangnya 30 peratus pencalonan.

"Sekiranya mereka berani mencalonkan saya, saya pula berani bertanding dan tidak akan menghampakan mereka. Bagaimanapun, keputusan saya kelak juga bergantung kepada suasana pergerakan keseluruhannya ketika itu.

"Tidak ada gunanya bertanding semata-mata kerana satu pertandingan. Apa yang lebih penting ialah sama ada Wanita UMNO benar-benar memerlukan saya," tegasnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia